

**PEMBENTUKAN ILMUWAN BERADAB MELALUI PENERAPAN KONSEP TA'DIB
DALAM PENDIDIKAN: SUATU ANALISIS¹**
**(Formation of Civilized Scientists through an Application Concept of Ta'dib in Education:
An Analysis)**

Oleh:
Zuraidah Othman *

Abstrak

Pendidikan ialah suatu proses penyemaian dan pengukuhkan adab atau ta'dib dalam diri insan. Para ilmuwan Islam menegaskan bahawa pendidikan dalam Islam paling tepat disampaikan melalui konsep ta'dib jika difahami dengan tepat dan betul. Hal yang demikian kerana medan semantik ta'dib meliputi unsur-unsur ilmu ('ilm), pengajaran (ta'lim) dan pertumbuhanbesaran (tarbiyah). Pendidikan yang dipancarkan melalui ta'dib berbeza dengan pendidikan yang sekadar pembelajaran dan latihan. Gagasan melahirkan insan yang beradab adalah natijah dari penerapan konsep ta'dib dalam pendidikan. Seorang insan beradab ialah seorang individu yang sepenuhnya sedar dan insaf akan tanggungjawabnya terhadap segala sesuatu yang berkaitan dengan kejayaan dan kebahagiaannya di dunia dan di akhirat, malah ia juga akan berusaha sedaya upaya melakukan tanggungjawab tersebut dengan ikhlas dan mematuhi akhlak dan syariat agamanya. Artikel ini bertujuan menganalisis konsep ta'dib untuk diterapkan dalam pendidikan ke arah pembentukan ilmuwan beradab dengan meneliti pandangan beberapa orang tokoh pendidikan Muslim.

Kata kunci: ilmuwan, beradab, ta'dib, pendidikan

Abstract

Education is a process of inculcation and reinforcement manners or ta'dib in human self. Muslim scholars insist that the most appropriate education delivered through ta'dib concept if it is properly understood. It is because ta'dib semantic field covers the elements of knowledge ('ilm), teaching (ta'lim) and tarbiyah. Hence, education emitted through ta'dib is different from normal education which is mainly based on learning and training. The idea to produce civilized human birth is due to the result of applying concept of ta'dib in education. A civilized man is an individual who is fully aware and conscious of his responsibility towards all things related to success and happiness in this world and in the hereafter. Furthermore, he will take effort to fulfill his responsibility faithfully and comply with moral and religious tenets. This article aims to analyze the concept to be applied in education ta'dib to the formation of civilized scientists by examining several Muslim scholars in education.

Keywords: scholars, civilized, ta'dib, education

Pengenalan

Ta'dib adalah konsep pendidikan Islam yang dikemukakan oleh para sarjana Muslim yang bertujuan untuk melahirkan manusia beradab. Krisis ilmu yang dialami oleh kaum Muslim kini merupakan masalah terbesar yang membawa kepada kesilapan di bidang ilmu. Hal tersebut mengakibatkan hilangnya adab (*the loss of adab*). Kehilangan adab bermaksud kehilangan identiti iaitu identiti ilmu-ilmu keislaman dan identiti sebagai ilmuwan Muslim. Lenyapnya identiti ilmu Islam adalah disebabkan oleh kehebatan hegemoni Barat yang bergerak pantas seiring dengan gelombang globalisasi, contohnya sekularisme. Justeru itu, pendidikan Islam dilihat harus mampu melahirkan

¹ Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam International Conference on Islamic Education (ICIEd) 2013 pada 6-7 April 2013 di EPF Institute (ESSET), Kajang, Selangor, anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

* Zuraidah bt Othman Pensyarah, Jabatan Pendidikan Islam, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. Email: zuraidahipgbm@gmail.com.

manusia beradab, iaitu manusia yang berpandangan hidup Islam dan menguasai ilmu-ilmu keislaman secara integratif. Gagasan melahirkan insan yang beradab adalah natijah dari penerapan konsep *ta'dib* dalam pendidikan, kerana individu insan merupakan agen akhlak yang paling utama.

Definisi Ta'dib

Pengertian konsep *ta'dib* ini dibangunkan dari makna kata dasar *adaba* – *ya'dibu* – *ta'diban* yang bermaksud penyucian atau membersihkan seseorang daripada kekotoran. *Ta'dib* dari segi terminologi membawa maksud suatu proses mendidik atau membentuk. Seseorang individu yang terdidik mempunyai kemampuan untuk mengembangkan segala potensinya ke arah pembentukan peribadi, sikap dan sahsiah selaras dengan acuan pembentukan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.²

Makna *adaba* menunjukkan pengertian pendidikan yang integratif. Di antara maknanya ialah kesopanan, kemesraan dan kehalusan budi pekerti. Ia juga sinonim dengan makna akhlak. Adab juga dikaitkan dengan dunia sastera. Ia dijelaskan sebagai pengetahuan tentang hal-hal yang indah yang dapat mencegah dari kesalahan-kesalahan. Seorang sasterawan disebut *adib*. Al-Jurjani juga mendefinisikan *ta'dib* sebagai suatu proses memperoleh ilmu pengetahuan (*ma'rifah*) yang dipelajari untuk mencegah seseorang daripada terjerumus ke dalam pelbagai bentuk kesalahan.³

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, pendidikan adalah ‘penyemaian dan penanaman adab’ dalam diri seseorang. Ini disebut dengan *ta'dib*.⁴ Melalui analisis semantiknya, al-Attas mentakrifkan adab – yang mengambil kira unsur-unsur keilmuan, kerohanian dan akhlak seperti yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w dan para ilmuwan terdahulu - sebagai:

*Adab adalah pengenalan dan pengiktirafan hakikat bahawa ilmu dan segala yang wujud teratur bertingkat-tingkat mengikut martabat dan darjatnya masing-masing. (Serentak dengan itu) adab juga ialah pengenalan dan pengiktirafan tempat yang wajar bagi seseorang berhubung dengan hakikat tersebut serta dengan kebolehan dan potensi jasadi, akli dan rohani diri masing-masing.*⁵

Al-Quran menegaskan bahawa contoh yang paling ideal bagi orang yang beradab ialah Nabi Muhammad s.a.w, yang disebut sebagai Manusia Sempurna atau Manusia Universal (*al-Insan al-Kulliy*)⁶ oleh kebanyakan sarjana Muslim. Baginda menerima didikan langsung daripada Allah swt. Justeru itu, pembentukan dan pengaturan pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam sistem pendidikan Islam haruslah mencerminkan Manusia Sempurna (*insan kamil*).

Menurut Ibn Maskawayh, istilah *ta'dib* digunakan untuk menunjukkan pendidikan intelektual, spiritual dan sosial, sama ada bagi anak-anak mahupun orang dewasa.⁷ Al-Farabi pula mendefinisikan *ta'dib* sebagai aktiviti yang bertujuan menghasilkan suatu watak yang bersumber daripada sikap

² Ibrahim Anis et.al (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*. Qahirah : t.tp, entri *adaba*.

³ al-Jurjani (1990), *Kitab al-Ta'rifat*, h.10.

⁴ al-Attas (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*, h. 37.

⁵ al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam : A Framework for an Islamic Philosophy of Education*, h.27. Lihat huriahan terperinci berkaitan takrif ini dalam Wan Mohd Nor (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas : Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.120-121 dan juga Wan Mohd Nor (2006), *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.152-156.

⁶ Surah al-Hujurat (49:13), kata “yang paling mulia”; Surah al-Ahzab (33:21) dan Surah al-Qalam (68:4), “contoh teladan yang paling baik”; Surah Saba’ (34:28), kata “Rasul untuk semua manusia”.

⁷ Abu 'All Ahmad Ibn Maskawayh (1977), *Tahdhib al-Akhlaq*, ed. Constantine Zuraik, Beirut: The American University, 55-62. Istilah yang dipakai untuk pembentukan manusia adalah *ta'dib* dan hasilnya, pencapaian watak yang baik adalah adab.

akhlak. *Ta'dib* berbeza dengan *ta'lim* (pengajaran) walaupun *ta'lim* telah termasuk di dalamnya. Makna kedua-dua istilah *ta'lim* dan *tarbiyah*, telah termasuk dalam makna *ta'dib*.⁸

Manakala, bagi insan yang beradab (*adabi*) pula disebut insan *adabi* yang bermaksud:

“.....yang sedar insaf akan tanggungjawabnya kepada Allah s.w.t sebagai Tuhan Yang Sebenarnya disembah; yang memahami dan melaksanakan tanggungjawabnya kepada diri sendiri dan kepada masyarakat dengan adil. Dan yang sentiasa berusaha memperbaik setiap aspek dirinya ke tahap yang lebih sempurna....”.⁹

Menurut al-Attas, pengertian adab melibatkan hal-hal seperti berikut: i) suatu tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan fikiran; ii) pencarian kualiti dan sifat jiwa dan fikiran yang baik; iii) perilaku yang benar dan sesuai yang berlawanan dengan perilaku salah dan buruk; iv)) ilmu yang dapat menyelamatkan manusia daripada kesalahan dalam mengambil keputusan dan dari sesuatu yang tidak terpuji; v) pengenalan dan pengakuan kedudukan (sesuatu) secara benar dan tepat; vi) suatu kaedah mengetahui yang menghasilkan kedudukan sesuatu secara benar dan tepat; vii) jelmaan keadilan sebagaimana ditonjolkan oleh hikmah.¹⁰

Menurut al-Attas, konsep *ta'dib* adalah istilah yang paling tepat untuk pendidikan Islam, berbanding dengan *tarbiyah* atau *ta'lim*. Hal ini kerana, struktur konsep *ta'dib* sudah mengandungi unsur-unsur ilmu ('ilm), pengajaran (*ta'lim*) dan penyuburan yang baik (*tarbiyah*).¹¹ Hasan Langgulung juga bersetuju bahawa istilah *ta'dib* lebih tepat untuk pendidikan kerana *ta'dib* bukan sekadar mengajar dan tidak pula meliputi makhluk lain selain manusia. Istilah *ta'dib* telah merangkumi istilah *tarbiyah* dan *ta'lim* serta mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep ilmu dalam Islam.¹²

Kandungan Ta'dib

Para ilmuwan Islam terdahulu telah menegaskan bahawa kandungan *ta'dib* adalah akhlak.¹³ Fakta bahawa pendidikan Nabi Muhammad s.a.w dijadikan Allah sebagai pendidikan yang terbaik didukung oleh al-Quran yang mengesahkan kedudukan Rasulullah s.a.w sebagai yang sangat mulia dan sumber teladan yang paling baik.¹⁴ Hal ni juga disahkan oleh hadis Nabi yang menyatakan bahawa matlamatnya adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Seseorang yang paling sempurna imannya menurut Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling baik akhlaknya. Di sini jelas menunjukkan bahawa aktiviti Nabi s.a.w berupa pengajaran al-Quran dan hikmah serta penyucian umat adalah manifestasi langsung daripada peranan ta'dib. Justeru itu, menurut al-Attas, sejak awal kedatangan Islam, adab secara konseptualnya telah diisi dengan ilmu yang benar ('ilm) dan perbuatan yang tulus dan tepat ('amal) dan terlibat aktif dalam wacana intelektual Sunnah Nabi Muhammad s.a.w.¹⁵

Pentingnya makna adab dan kaitannya dengan pendidikan manusia adalah manifestasi dari kesedaran tentang ilmu dan pengakuan yang melibatkan tindakan. Ia juga berhubung rapat dengan pandangan hidup Islam seperti kebijaksanaan (*hikmah*), keadilan ('adl), realiti dan kebenaran (*haq*).¹⁶

⁸ al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam*, h.28-33; al-Attas (1978). *Islam and Secularism*, h.144-145.

⁹ al-Attas (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.54.

¹⁰ al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam*, h. 34 ; al-Attas (1989). *Islamic and the Philosophy of Sciences* , h.5-7; Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas : Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h.123.

¹¹ al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam*, h. 34. Al-Attas menolak istilah *ta'lim* dan *tarbiyah* kerana istilah ini hanya terbatas kepada aspek fizikal sahaja (*Ibid.*, h.29). Begitu juga Ibn Maskawayh, *Tahdhib al-Akhlaq*, h.55.

¹² Hasan Langgulung (1995), *Pendidikan Islam dan Peralihan Paradigma*. Shah Alam : Pustaka Hizbi, h. 71.

¹³ Mahmud Qambar (1985), *Dirasat Turathiyah fi al-Tarbiyah al-Islamiyyah*, j.1. Doha, Qatar : Dar al-Thaqafah, h.406. Qambar membahaskan secara panjang lebar tentang *ta'dib* sebagai bahagian integral dalam pendidikan Islam.

¹⁴ Surah al-Ahzab (33:21); Surah al-Hujurat (49:13); Surah al-Qalam (68:4).

¹⁵ al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam*, h.35.

¹⁶ al-Attas (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.186-188.

Menurut al-Attas, adab hadir dalam pelbagai tingkat pengalaman manusia.¹⁷ Contohnya:

- i) Adab terhadap diri sendiri bermula ketika seseorang mengakui bahawa dirinya terdiri daripada dua unsur, iaitu unsur akli dan unsur haiwani. Ketika akal seseorang menguasai dan dapat mengawal sifat kehainanannya, maka ia sudah meletakkan kedua-duanya pada tempat yang semestinya dan sekaligus meletakkan dirinya pada tempat yang benar. Keadaan sebegini adalah suatu keadilan bagi dirinya kerana jika tidak, ia dianggap telah menzalimi dirinya;
- ii) Adab dalam konteks hubungan antara sesama manusia, bererti norma etika yang diterapkan dalam hubungan social yang seharusnya memenuhi beberapa syarat yang didasarkan pada kedudukan seseorang, misalnya dalam keluarga dan masyarakat. Dalam hal ini, kedudukan seseorang bukanlah sesuatu yang ditentukan oleh manusia berdasarkan kekuatan, kekayaan, mahupun keturunan, tetapi ditentukan oleh al-Quran berdasarkan kriterianya terhadap ilmu pengetahuan, akal fikiran dan perbuatan yang mulia. Jika seseorang itu dengan tulus ikhlas menunjukkan sikap rendah hati, kasih sayang, hormat, peduli dan lain-lain, kepada orang tua, saudara, anak-anak, jiran tetangga dan sebagainya, maka hal ini menunjukkan bahawa seseorang itu telah mengetahui dan mengakui tempat yang sebenarnya dalam hubungannya dengan mereka;
- iii) Dalam konteks ilmu, adab bererti disiplin intelektual yang mengenal dan mengakui adanya hirarki ilmu berdasarkan kriteria tingkat-tingkat keluhuran dan kemuliaan, yang memungkinkannya mengenal dan mengakui bahawa seseorang yang pengetahuannya berdasarkan wahyu itu jauh lebih luhur dan mulia daripada mrereka yang pengetahuannya berdasarkan akal; bahwasanya fardu ain adalah jauh lebih tinggi daripada fardu kifayah; dan bahwasanya segala sesuatu yang berisi petunjuk kehidupan jauh lebih mulia daripada segala sesuatu yang dipakai dalam kehidupan. Adab terhadap ilmu pengetahuan akan menghasilkan cara yang tepat dan benar dalam belajar dan penerapan pelbagai bidang ilmu yang berbeza. Secara tidak langsung, rasa hormat terhadap para ilmuwan dan guru dengan sendirinya merupakan salah satu penjelmaan daripada adab terhadap ilmu pengetahuan. Justeru itu, tujuan yang sebenarnya dalam usaha pencarian ilmu dan pendidikan adalah agar seseorang itu dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat;
- iv) Dalam kaitannya dengan alam, adab bererti pendisiplinan akal praktis dalam berhubungan dengan hirarki yang menjadi watak alam semesta sehingga seseorang itu dapat membuat keputusan yang tepat tentang nilai daripada segala sesuatu, baik dalam konteksnya sebagai tanda-tanda Tuhan, sumber ilmu pengetahuan, mahupun sebagai sesuatu yang berguna bagi pengembangan rohani dan jasmani manusia. Tambahan pula, adab terhadap alam dan persekitaran bererti bahawa seseorang itu harus meletakkan tumbuh-tumbuhan, batu-batan, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, lembah, danau, binatang dan habitatnya di tempat yang sewajarnya;
- v) Adab terhadap bahasa bererti pengenalan dan pengakuan adanya tempat yang benar dan tepat untuk setiap kata, baik dalam tulisan mahupun percakapan sehingga tidak menimbulkan kekacauan dalam makna, bunyi dan konsep.¹⁸

¹⁷ Wan Mohd Nor (2005), h.120.

¹⁸ Dalam Islam, kesusteraan disebut dengan *adabiyyah*, semata-mata kerana ia dianggap sebagai penjaga peradaban dan penghimpun ajaran dan pernyataaan yang dapat mendidik jiwa manusia dan masyarakat dengan adab sehingga kedua-duanya menduduki tempat yang tinggi sebagai manusia dan masyarakat yang beradab. Untuk alam spiritual, adab bererti pengenalan dan pengakuan terhadap tingkat-tingkat keluhuran yang menjadi sifat alam spiritual; pengenalan dan pengakuan terhadap pelbagai *maqam* spiritual berdasarkan ibadah; pengenalan dan pengakuan terhadap disiplin spiritual yang dengan benar telah menyerahkan fizikal atau jiwa haiwani pada spiritual ataupun akal (al-Attas,2001,*Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.155-157). Al-Jurjani sebagai contoh, telah meletakkan adab sebagai sesuatu yang setara dengan *ma'rifah* – iaitu sejenis ilmu khusus dalam konteks ilmu pengetahuan – yang mencegah orang yang memilikinya daripada terjerumus ke dalam pelbagai bentuk kesalahan (Syarif al-Jurjani,1990, *Kitab al-Ta'rifat*, Beirut : Maktabah Lubnaniyyah, h.10)

Melalui kesepadan makna ilmu dan adab yang meliputi tujuan terakhir, kandungan dan kaedah pendidikan, maka takrif *ta'dib* seperti yang dikemukakan oleh al-Attas ialah:

*Pengenalan dan pengiktirafan yang disemai dan dikukuhkan secara beransur-ansur ke dalam diri insan, mengenai tempat-tempat yang betul dan wajar bagi segala yang diciptakan sehingga ia menuju pada pengenalan dan pengiktirafan Allah s.w.t dalam aturan wujud dan kewujudan.*¹⁹

Kehilangan Adab²⁰

Masalah besar yang telah lama menimpa umat Islam dan intelektual Muslim berpunca daripada kelemahan dalaman dan unsur luaran. Unsur luaran pada dasarnya berpusat pada cabaran daripada kebudayaan dan tamadun Barat.²¹ Kedua-dua punca ini membawa akibat besar kepada kekeliruan tentang ilmu dan pendidikan yang menghantui umat Islam selama beberapa dekad. Kita tidak dapat menguasai punca luaran secara langsung, akan tetapi kita berupaya dan bertanggungjawab menangani punca dalaman yang telah disimpulkan oleh al-Attas sebagai tiga punca yang saling berkait,²² iaitu:

- i) Kekeliruan dan kesilapan menanggapi makna ilmu dan pengamalannya
- ii) Kehilangan adab
- iii) Kelahiran pemimpin yang tidak layak memikul tanggungjawab dalam pelbagai lapangan kehidupan beragama dan masyarakat.

Dalam hal ini, punca kedua - kehilangan adab – perlu ditangani terlebih dahulu jika kita ingin menyelesaikan punca-punca lain, kerana pelbagai ilmu tidak dapat diajar dan pendidikan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna jika setiap lapisan masyarakat – ibu bapa, pelajar, guru, pembuat dasar, orang awam, serta media massa – tidak mempunyai adab yang betul terhadap ilmu dan ilmuwan mengikut martabat dan kedudukannya masing-masing.²³ Kekeliruan dan kesilapan dalam memahami ilmu ini merupakan satu krisis yang akhirnya membawa kepada kehilangan adab (*the loss of adab*). Kehilangan adab akan membawa kepada timbulnya kebingungan dalam bidang ilmu yang akhirnya akan membawa kepada kerosakan akhlak dan pendidikan sesuatu masyarakat. Kebingungan dalam bidang ilmu juga bererti rosaknya sesuatu ilmu pengetahuan (*corruption of knowledge*). Apabila berlaku kebingungan intelektual dan kerosakan ilmu maka ia akan membawa kepada kehilangan identiti (*the loss of identity*).²⁴ Hilangnya identiti seseorang ilmuwan Muslim, maka hilanglah karakter ilmuwan tersebut. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat membezakan ilmu Islam dan ilmu Barat-sekular, dan mengabaikan adab terhadap ilmu pengetahuan. Ilmu dianggap bebas nilai (*free value*), yang dianggap tidak ada sangkut pautnya dengan agama dan etika. Kedua-dua ilmu tersebut dianggap tiada perbezaan. Ilmuwan seperti ini sudah kehilangan minda sedarnya bahawa ilmu pengetahuan dibangun berdasarkan sistem nilai atau paradigma seseorang ilmuwan.

Ilmu moden atau ilmu Barat terbentuk dari paradigma sekular. Ilmuwan Barat moden membangun dan mengembangkan sesebuah falsafah ilmu dengan keyakinan dasar bahawa sesuatu itu wujud dari sesuatu yang lainnya – yang bererti tiada campur tangan Tuhan dalam proses kewujudan tersebut. Alam dilihat dari perspektif bahawa segala sesuatu itu berkembang, maju dan berevolusi dengan sendirinya, tidak diciptakan. Paradigma sekular ini menolak realiti kewujudan Tuhan sebagai Yang Maha Berkuasa dalam proses perkembangan dan kemajuan alam. Pendekatan yang digunakan ialah rasionalisme dan empirisisme, iaitu pengetahuannya bersandarkan kepada akal semata-mata tanpa

¹⁹ al-Attas (1991). *The Concept of Education in Islam*, h.27.

²⁰ Lihat penjelasan menarik tajuk ‘Kehilangan Adab (= Kebiadaban)’ dalam Wan Mohd Nor (2006), h.160-164.

²¹ Lihat penjelasan lanjut dalam al-Attas (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.12-27.

²² *Ibid.*, h.178-180; Wan Mohd Nor (2006), h.161-163.

²³ al-Attas (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.180-183; al-Attas (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*, h. 3; Wan Mohd Nor (2006), h.162.

²⁴ al-Attas (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*, h.12-27.

bantuan pengalaman atau persepsi inderawi. Bagi mereka seluruh ilmu adalah fakta yang dapat diamati, dikaji, logik dan dapat dianalisis secara saintifik. Mereka juga menolak autoriti wahyu dan agama sebagai sumber ilmu pengetahuan yang benar. Keyakinan dasar ini sebenarnya bertentangan dengan tradisi ilmu Islam.

Masalah yang berbangkit dalam kalangan generasi muda kini ialah kehilangan adab akibat tercabutnya akar tradisi yang menganjurkan perasaan saling menghormati, sopan-santun, saling menghargai, saling membantu dan sebagainya. Ia juga berlaku akibat meremehkan peranan agama sebagai pembentuk akhlak dan watak. Kehilangan adab juga berlaku akibat ilmu dan pendidikan yang hanya mementingkan aspek akademik tetapi meminggirkan pembangunan peribadi.²⁵

Apabila kehilangan adab, hakikatnya seseorang itu mula terbelenggu dengan amalan dan perbuatan yang tidak berasaskan nilai murni atau etika yang tinggi. Dorongan melakukan sesuatu banyak disebabkan oleh nafsu yang tidak terkawal dan ia cenderung menyebabkan salah laku dan melampaui batas. Ia juga menyebabkan seseorang itu memikirkan dirinya sendiri dalam melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan hingga menyebabkan menyinggung orang lain. Ia juga menyebabkan seseorang itu bersikap tamak dan rakus kerana tidak ada padanya pedoman nilai dan etika.²⁶

Ilmuwan Beradab

Ilmu Islam tidak akan lahir kecuali dari ilmuwan yang berpandangan hidup Islam, atau ilmuwan yang beradab. Penerapan konsep *ta'dib* dalam pendidikan sebenarnya ingin membentuk dan melahirkan ilmuwan yang beradab. Ilmuwan beradab adalah ilmuwan yang menerapkan adab dalam semua aspek kehidupan, adab terhadap Tuhan, diri sendiri, lingkungan sosial, hubungan sesama manusia, alam, bahasa dan ilmu. Adab terhadap ilmu berpengaruh besar terhadap adab kepada yang lain. Menurut al-Attas,²⁷ intelektual yang beradab kepada ilmu akan mengenal dan mengakui bahawa seseorang yang berilmu kedudukannya lebih luhur dan mulia. Manakala, ilmu-ilmu fardu ain dan syariah harus dikuasai terlebih dahulu sebelum ilmu-ilmu lainnya. Adab seperti ini akan menghasilkan metode yang tepat dalam memperoleh ilmu, serta menerapkan ilmu dalam pelbagai bidang dengan kebenaran.

Ilmu yang benar diperoleh dengan cara yang benar hendaklah digunakan secara tepat. Penerapan yang tepat ini akan membawa implikasi positif kepada perlakuan ilmuwan tersebut terhadap dirinya, Tuhan-Nya, lingkungan sosialnya, hubungan antara sesama manusia dan aspek-aspek lain. Di sinilah peranan ilmuwan yang beradab sangat diperlukan. Ilmuwan beradab ibarat seorang doktor yang ahli dalam mengenal pasti penyakit.

Dengan berbekalkan dasar pandangan hidup Islam serta penguasaan komprehensif terhadap konsep-konsep dasar Islam, ilmuwan beradab dengan mudah mengenalpasti masalah yang melanda sesebuah ilmu. Seseorang ilmuwan Muslim beradab akan mempelajari dan mengajarkan ilmu secara benar, kerana dalam tradisi Islam, semua ilmu sama ada ilmu syariah atau ilmu-ilmu alam dipelajari dalam rangka pengabdian yang tinggi kepada Tuhan Yang Maha Esa dan akhirnya untuk meraih kebahagiaan sejati.

Pendidikan Bersendikan Adab

Pendidikan adalah proses mengadabkan insan. Manusia memerlukan asas adab supaya minda, hati dan amalnya berdisiplin. Tanpa asas ini, manusia tidak akan mempunyai jiwa dan jati diri yang teras-

²⁵ Sidek Baba (2007).

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Wan Mohd Nor (2005), h.120.

untuk mengangkat martabat ilmu dan pendidikan yang berasaskan tamadun tinggi, seterusnya memanfaatkan ilmu Barat dan Timur yang sifatnya menyumbang.

Sebagai bangsa yang beradab, faktor jati diri merupakan pemangkin untuk menghadapi kemajuan dan perubahan. Kemajuan sesuatu bangsa tidak bermula dengan kosong dalam sejarah budaya, bahasa dan agamanya.

Pendidikan yang bersendikan adab sering merujuk kepada tradisi dan tamadun sebagai asas kecemerlangan. Tradisi dan tamadun wajar diungkapkan kembali secara kreatif dan dinamik supaya sejajar dengan perkembangan zaman. Pendekatan sebegini akan membebaskan manusia daripada belenggu dan memiliki jiwa merdeka di samping tidak menolak faktor yang bermanfaat daripada tamadun Barat dan Timur.

Dalam konteks Malaysia yang merancang memperkasa modal insan menerusi proses pendidikan dan latihan, asas nilai dan etika menjadi amat penting. Melihat kepada kekacauan pemikiran dan sikap generasi muda kini, pendidikan di Malaysia perlu melihat persoalan adab ini sesuatu yang penting. Orientasi peperiksaan dalam proses pengilaman dan pendidikan adalah sesuatu yang penting bagi mengukur pencapaian minda pelajar. Namun, keperluan terhadap generasi hari ini dan masa depan bukan saja dari segi akademik dan kemahiran, sebaliknya turut menuntut integriti diri sebagai orang beradab yang mengamalkan nilai amanah, jujur, adil, telus dan tulus dalam pengurusan.

Dalam kebanyakan negara maju dan membangun, persoalan integriti diri selalu berbangkit. Orang yang berkelulusan tinggi apabila diberikan amanah mengurus sesuatu seringkali terjebak dengan amalan korupsi dan salah tadbir. Apabila diberikan amanah memajukan bangsanya, seringkali berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa menyebabkan matlamat pembangunan bangsa tidak tercapai.

Oleh itu, pendidikan mengenai integriti harus bermula di sekolah supaya pelajar dapat memerdekaan dirinya daripada kecenderungan disalah gunakan. Orang yang berintegriti ialah orang yang mempunyai nilai murni dan mengaitkan nilai tersebut dengan tuntutan Tuhan. Integriti juga berkait rapat dengan proses pemupukan adab kepada pelajar. Sekiranya pendekatan terhadap nilai integriti dan adab ini dimasukkan secara bijak dalam pengajaran dan pembelajaran, ia bukan sahaja menjadikan pelajar cemerlang dari segi akademiknya tetapi juga hebat akhlak dan peribadinya.²⁸

Peranan Pendidik

Menguasai ilmu-ilmu moden bagi umat Islam adalah satu keperluan. Namun begitu, kita perlu memperbetul, mengubahsuai dan membina semula teori ilmu supaya dapat dibebaskan daripada cengkaman ilmu dan pemikiran Barat yang bertentangan dengan akidah. Keadaan ini memerlukan satu perubahan menyeluruh dari segi paradigma ilmu yang sewajarnya berasaskan kebenaran ilmu.

Justeru itu, peranan pendidik²⁹ amat relevan ke arah menggerakkan revolusi ilmu dan merealisasikan cita-cita perubahan menyeluruh dari segi paradigma ilmu dan pembentukan ilmuwan beradab. Di antara peranan tersebut ialah:

- i) Pendidik mestilah seorang yang kuat pegangan agama, penghayatan dan amalan agama. Agama dan ilmu tidak boleh dipisahkan. Islam amat dekat bagi orang yang berilmu dan berfikir. Oleh itu jika kita ingin mencari kebenaran dan kebijaksanaan, maka seseorang pendidik itu mestilah kuat pegangan agama, penghayatan dan amalan agama.
- ii) Mempunyai minat dan iltizam yang tinggi dan mantap terhadap tugasnya sebagai pendidik. Dengan adanya sifat ini, para pendidik akan berminat untuk terus belajar, mencari, meneroka,

²⁸ Lihat tulisan Sidek Baba “Kemerdekaan Jiwa dan Binaan Adab” dalam Majalah *Pendidik*, Oktober 2007.

²⁹ Lihat huraian menarik tentang tajuk “Guru Penggerak Utama Revolusi Ilmu” dalam Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini Dan (2002), *Pendidikan dan pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Selangor : As-Syabab Media, h. 123-125.

mendalami dan mengajar ilmu dengan penghayatan konsep ibadah. Dengan usaha yang berterusan, para pendidik dapat membina generasi pelajar dan ummah yang mempunyai kekuatan ilmu.

- iii) Para pendidik perlu mencapai kecemerlangan ilmu. Apabila guru cemerlang dalam ilmu, maka para pelajar akan menghormati dan seterusnya akan menjadikan guru sebagai contoh dan model yang unggul. Dalam keadaan inilah guru dapat mengerakkan pelajar untuk merealisasikan revolusi ilmu untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
- iv) Para pendidik hendaklah memahami sepenuhnya tugas dan peranan sebagai seorang pendidik. Sebagai pendidik, tugas mereka bukan sekadar mendidik pelajar. Malah, pada masa yang sama merupakan pendidik kepada ibu bapa, ahli masyarakat dan seluruh rakyat.
- v) Seorang pendidik hendaklah mendokong, menghayati dan mengamalkan Falsafah Pendidikan secara praktik dan sedar berasaskan prinsip-prinsip agama. Dengan berasaskan Islam, para pendidik mampu menangani unsur-unsur negatif yang terdapat dalam ilmu dan budaya Barat yang melanda seluruh kehidupan kita. Hal ini disebabkan prinsip-prinsip penyelesaian dalam isu-isu kehidupan semuanya terdapat dalam ilmu wahyu.
- vi) Seorang pendidik mestilah tegas dalam menyatakan dan menegakkan kebenaran ilmu. Matlamat yang paling tinggi dalam proses belajar dan mengajar ialah untuk mencari, mempertahan dan menyatakan kebenaran.

Dalam konteks perbincangan ini, konsep *ta'dib* merujuk kepada peranan pendidik untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses *ta'dib* ini bersumberkan wahyu Allah s.w.t. manakala nilai *ta'dib* yang diterapkan adalah berasaskan keimanan kepada Allah s.w.t. Nilai inilah yang menjadi teras pembinaan peribadi seseorang Muslim.

Dunia pendidikan Islam diharapkan dapat memfokuskan kepada agenda pembentukan manusia-manusia yang beradab, dan hal ini hanya dapat dilakukan jika dunia pendidikan mengajarkan ilmu yang benar secara integratif. Adab terhadap ilmu pengetahuan akan menghasilkan cara yang tepat dan benar dalam belajar. Begitu juga penerapan pelbagai ilmu yang berbeza. Perasaan hormat terhadap para guru dan ilmuwan merupakan manifestasi langsung daripada adab terhadap ilmu pengetahuan.

Kesimpulan

Ta'dib yang meliputi proses pembentukan akhlak, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan seseorang insan adalah bertujuan untuk membentuk dan mengembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beramal salih dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri sebagai hamba Allah yang bertakwa.

Ta'dib jika difahami dan diamalkan dengan betul akan melahirkan individu dan masyarakat beradab, serta membantu membina dan mengukuhkan peradaban. Manusia yang hanya terpelajar dan terlatih tetapi tidak beradab boleh meruntuhkan institusi peradaban, malah peradaban itu sendiri.

Insan beradab akan melahirkan masyarakat beradab dalam pelbagai bidang. Sesebuah masyarakat dibina melalui kerjasama erat sebilangan besar individu di dalamnya. Hasil usaha masyarakat beradab selama beberapa generasi akan menghasilkan sebuah peradaban yang mencerminkan pandangan alam, nilai-nilai agama, akhlak dan syariat masyarakat tersebut.

Manusia beradab berupaya menangani semua jenis perbezaan dan kepelbagaiannya dengan meletakkan setiap sesuatu di tempatnya yang tepat dan wajar, mengikut pandangan Islam yang difahaminya dengan betul dan diamalkannya dengan penuh kebijaksanaan. Bagi umat Islam sepanjang zaman, contoh insan *adabi* terunggul terdapat dalam diri Rasulullah s.a.w, diikuti pula oleh para sahabat dan

tokoh-tokoh yang menjelaki sunnahnya. Mereka merupakan pembina insan dan peradaban bersifat antarabangsa. Dalam tradisi Islam, tujuan yang sebenar dalam usaha pencarian ilmu dan pendidikan adalah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Rujukan

Abu 'All Ahmad Ibn Maskawayh (1977), *Tahdhib al-Akhlaq*, ed. Constantine Zuraik, Beirut: The American University.

Digital Islamic Resource Centre (DIRC) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di www.dirc.jakim.gov.my. dan www.IslamGRID.gov.my.

Hasan Langgulung (1995), *Pendidikan Islam dan Peralihan Paradigma*. Shah Alam: Pustaka Hizbi.

Ibrahim Anis et.al (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*. Qahirah : t.tp.

Mahmud Qambar (1985), *Dirasat Turathiyyah fi al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Doha, Qatar: Dar al-Thaqafah.

Sidek Baba, "Kemerdekaan Jiwa dan Binaan Adab". Majalah *Pendidik*, Oktober 2007.

Syarif al-Jurjani (1990), *Kitab al-Ta'rifat*, Beirut : Maktabah Lubnaniyyah.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

_____. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

_____. (1989). *Islamic and the Philosophy of Sciences*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

_____. (1991). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

_____. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini Dan (2002), *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Selangor: As-Syabab Media.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____. (2006), *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.